

02/09/1999

Pas mengaku penceramah keterlaluan

KANGAR, Rabu - Pas menyesali penggunaan bahasa kesat dan lucah oleh seorang penceramah jemputannya ketika berucap di hadapan penyokong parti itu, termasuk wanita dan kanak-kanak di Jejawi Dalam, dekat sini, Jumaat lalu.

Pesuruhjaya Pas negeri, Hashim Jasin, berkata beliau memang tidak bersetuju dengan perkataan yang digunakan oleh Chong Thian Teik kerana agak kesat dan keterlaluan.

Katanya, beliau sudah menasihati lelaki terbabit yang juga dikenali sebagai Tok Misai dan Mat Sabu Siam supaya tidak mengulangi perbuatan itu.

Bagaimanapun, Hashim yang juga Ahli Parlimen Arau tetap mempertahankan pendirian Pas membenarkan Chong berucap di pentas politik Pas walaupun lelaki itu menuduh Umno tidak Islam.

"Tidak salah kita suruh orang bukan Islam berceramah kerana di zaman Nabi pun, ada orang Kristian yang bersama dalam perjuangan Islam.

"Cuma saya tidak setuju dengan bahasa yang dia gunakan dan sudah beri nasihat kepadanya. Itu orang baru...masih lesen L," katanya ketika diminta mengulas bantahan sebilangan besar umat Islam negeri ini kerana Pas membenarkan lelaki bukan Islam itu menggunakan pentas politiknya untuk menuduh Umno sebagai bukan Islam.

Pada ceramah itu, Chong yang mendakwa dirinya keturunan Cina dan Siam turut memaki hamum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan kata-kata lucah dan kesat, termasuk menggelarnya tong tahi.

Hashim juga dipetik sebagai berkata, orang Umno tidak boleh marahkan Pas apabila ada orang bukan Islam berpendapat hanya Pas parti Islam, sebaliknya Umno tidak.

(END)